

# Imbangi penerbitan judul buku

Kepentingan material didahului, pembangunan intelektual dilupa



**Timbalan Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena), Datuk Baharuddin Zainal (Baha Zain)**

Oleh Jami'ah Shukri

**? KEMAJUAN dan perkembangan industri penerbitan di Malaysia dilihat agak lembap sedangkan negara menuju ke arah negara maju. Bagaimana Datuk melihat isu berkenaan.**

Jika kita berpandukan kepada negara maju di dunia, seperti di Amerika Syarikat atau Jepun, dunia penerbitan di Malaysia memang jauh berbeza. Sebagai penanda arasnya, jika jumlah penduduk sejuta orang, seharusnya sebanyak 100,000 judul buku diterbitkan setiap tahun.

Melihat kepada keadaan di Malaysia, kita mempunyai kira-kira 25 juta penduduk dan berdasarkan jumlah itu, seharusnya 20,000 judul buku baru setahun diterbitkan. Bagaimanapun, apa yang berlaku sekarang, penerbitan buku baru tidak sampai 10,000 judul setahun.

Daripada 10,000 itu pula, penerbitannya terbahagi kepada pelbagai bahasa dan tidak semuanya bahasa Melayu.

Penerbitan buku dalam bahasa Melayu sangat terkebelakang. Malah, penerbitan dalam semua jenis bahasa itu menggambarkan budaya dan intelektual sesuatu tamadun di sesebuah negara.

**B**uku yang dilihat dapat berkembang maju ialah novel remaja kerana ia lebih ramai pembaca. Jika ditinjau di kedai buku besar dan hebat dapat dilihat di rak buku remaja, banyak buku Melayu dan sebilangannya dicetak berulang kali. Walaupun banyak penerbitan novel remaja bahasa Melayu berbanding judul lain ia tetap menunjukkan perkembangan baik. Ia tidak seharusnya dipandang rendah kerana ada keperluannya bagi mengelak daripada beralih kepada novel Inggeris.

Ia patut diteruskan. Bagaimana penerbitan judul buku lain perlu diseimbangkan. Kita berharap supaya penerbitan buku perlu dipelbagaikan kategorinya. Kita memerlukan bahan bacaan meliputi pelbagai peringkat pembaca dan jenis, iaitu prasekolah, sekolah rendah, menengah, pengajian tinggi dan profesional.

Dari segi kepelbagaian, perlu ada buku mengenai bidang sains, teknologi, kesihatan, kemanusiaan, seni kraf, seni bina, landskap, masakan dan disiplin lain (kamus dan ensiklopedia).

Jika dilihat pelbagai bidang dan peringkat ini, memang kita tidak mencapai judul diharapkan dan masih rendah terutama dalam bahasa Melayu.

**? Mungkinkah ketidakseimbangan judul buku bagi kategori tertentu menyebabkan minat membaca kalangan masyarakat di negara ini masih berada pada tahap rendah.**

**S**aya fikir faktor itu ada asasnya. Memang tabiat membaca tidak berkembang disebabkan kurangnya bahan bacaan. Contohnya, kita ada anak, ingin mencari bahan bacaan bersesuaian untuk kanak-kanak. Tetapi tidak banyak dan berkualiti. Akhirnya kita ibu bapa mencari bahan bacaan yang import kerana bentuk penerbitannya lebih bermutu, berbentuk

baik kerana bahan bacaan itu diperlukan untuk golongan berkenaan.

**? Kebanjiran buku import itu membunuh industri penerbitan buku tempatan sedia ada. Adakah Malaysia perlu mewujudkan satu undang-undang bagi melonggarkan syarat kemasukan bahan bacaan import bagi melindungi industri percetakan dan penerbitan negara.**

**S**ebenarnya, kita perlu alu-alukan bahan bacaan yang diimport. Daripada kita kekurangan buku, bagus juga ada buku import. Ia tidak seharusnya dijadikan alasan, sebaliknya ia menjadi pendorong kepada penerbit tempatan untuk menghasilkan lebih banyak bahan bacaan. Cuma kita tidak seharusnya terlalu bergantung kepada bahan import. Jika ini terus berlaku ia boleh menyebabkan golongan berpendidikan rendah yang tidak menguasai bahasa Inggeris sukar untuk mendapatkan buku bersesuaian dengan bahasa mereka.

Contohnya, orang kampung yang ingin melakukan pertanian secara moden. Mereka juga memerlukan bahan bacaan berkaitan bagi menambah maklumat serta boleh dijadikan panduan untuk meningkatkan hasil tanaman mereka.

Mengenai undang-undang pengimportan buku, saya tidak setuju cara berkenaan kerana kita dalam satu dunia yang mengamalkan sistem pasaran terbuka. Kita sepatutnya mengalu-alukan kemasukan buku import, khususnya mengenai ilmu pengetahuan. Pada pada masa sama kita membina judul baru.

Selain itu, kita patut melakukan terjemahan buku asing kepada bahasa Melayu bagi memperkaya serta membina ketamadunan bahasa itu sendiri. Buku import yang patut dihalang kemasukannya

Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Perpustakaan Negara untuk menanganis isu kempen membaca.

Saya berpendapat ini di atas kertas saja. Oleh itu, ia sangat baik dan diucapkan tahniah kepada kerajaan atas inisiatif itu tetapi akhirnya kejayaan itu bergantung kepada pegawai dan petugas yang diamanahtakan dalam agensi terbabit untuk bekerja secara jujur dengan ikhlas dan bukannya sekadar untuk mengisi jawatan mencari nafkah hidup.

**? Perlukah Malaysia mempunyai insiditulasi latihan khas untuk melatih pegawai dalam bidang berkenaan.**

**K**erajaan sudah ada idea untuk membina akademi latihan khusus untuk penulisan. Ia sepatutnya sudah lama diadakan. Bagaimanapun, sekarang sudah ada usaha ke arah itu dilakukan menerusi pelan induk pendidikan itu dan diharapkan memberikan sinar baru.

Dari segi terjemahan bahasa luar masih berkurangan. Kita tidak sekadar untuk meningkatkan penerbitan dalam bahasa Melayu, tetapi memperkenalkan karya penting ke luar negara. Pada masa ini usaha itu boleh dikatakan hampir tidak ada dan dilakukan secara bermakna, ia dilakukan secara kebetulan saja.

Oleh itu, perlu ada satu dana khas untuk memberi subsidi kepada penerbit luar yang ingin menerbitkan dan menterjemahkan karya mereka. Ia tidak aneh, di Norway contohnya mereka ada dana khas untuk menerbitkan buku dan karya tertentu, begitu juga di Jepun dan Korea mempunyai yayasan khas bagi meningkatkan industri penerbitan di negara mereka.

Kita percaya jika kita ada dana seumpama itu, maka dapat memperkenalkan karya penting, agung, moden dan kontemporari tempatan diterjemahkan ke bahasa

**? Sebenarnya, apa masalah yang membelenggu industri berkenaan sehingga jadi begitu.**

**M**asalah banyak dan ia saling berhubung kait. Kita serba-serbinya kekurangan dan ketandusan ke arah pembinaan dan perkembangan industri terbabit. Kita kekurangan dari segi kemudahan prasarana, pasaran, dana dan pakar dalam dalam bidang itu.

Dari segi kepakaran, kita kekurangan editor, pereka bentuk dan penyunting yang kreatif dan imaginatif. Bidang penerbitan memerlukan kepakaran tertentu. Walaupun Malaysia mempunyai ramai ilmuwan, penyarah dan melahirkan ramai pemenang dalam bidang akademik, namun, tidak begitu membantu untuk meningkatkan atau mencambah ilmu dan pemikiran mereka ke bidang berkenaan.

Disebabkan kekurangan kepakaran dan ilmu dalam bidang itu turut membandingkan proses menyumbang kepada hasil karya yang hebat. Ia tidak berlaku di negara Barat, mereka tidak saja mempunyai ramai editor dan penulis, malah karya yang dilahirkan juga cukup hebat.

Apa yang berlaku di Malaysia, pihak pentadbir hanya fikir dan memberi penekanan terhadap kekurangan pakar dalam bidang kedoktoran, jurutera, akauntan dan peguam sehingga terlupa memikirkan kita amat kekurangan pakar dalam skim profesionalisme industri penerbitan buku.

Kita berharap ia perlu ditangani segera bagi membantu menyelesaikan masalah kekurangan penerbitan judul buku. Industri itu juga penting untuk membina emosi, patriotisme, ilmu pengetahuan dan minat terhadap budaya. Kita banyak menekankan kepentingan material, teknologi dan ekonomi sehingga terlupa ke arah pembangunan minda, intelektual dan spiritual.

**? Berdasarkan pemerhatian Datuk daripada semua judul yang ada, apakah jenis buku yang memenuhi pasaran negara.**

mewah dan lebih baik.

Faktor itu sekali lagi dikaitkan dengan kekurangan skim profesionalisme dalam aspek penerbitan, iaitu editor, pereka bentuk dan ilustrator.

Sebenarnya tabiat membaca tidak dilakukan dengan baik dan sistematik. Seperti kempen membaca dilakukan secara bermusim. Seharusnya ada satu program pada peringkat nasional secara menyeluruh. Kadang-kadang kempen membaca diadakan di bandar saja, tidak di luar bandar. Ia ditambah pula dengan persaingan daripada media elektronik dan ia menjadi masalah besar dan akhirnya boleh mengkhakis minat membaca.

**? Adakah disebabkan saiz pasaran yang besar bagi sesuatu judul buku, memungkinkan penerbit tempatan mengambil kesempatan untuk terus menerbitkan buku itu.**

**K**ita tidak boleh salahkah penerbit. Untuk menjadi penerbit tidak mudah dan boleh jadi jutawan. Saya tidak menyalahkan penerbit menjurus kepada menerbitkan karya yang cepat laku seperti buku agama dan novel remaja. Namun kita anggap ia satu perkembangan yang

**“ Pembaca lebih cenderung untuk membeli dan membaca buku yang mempunyai ilustrasi, kertas berkualiti, reka bentuk menarik selain isi kandungannya mantap”**

**Baharuddin Zainal**  
Timbalan Presiden Persatuan  
Penulis Nasional Malaysia


kaitan topik yang menimbulkan sensitiviti kaum, agama, politik dan akhlak.

**? Langkah yang patut dilakukan kerajaan untuk menyemarakkan lagi industri penerbitan di negara ini.**

**D**alam pelan Induk Pembangunan Pendidikan Lima Tahun yang dilancarkan baru-baru ini, ada satu kesedaran ke arah berkenaan, iaitu salah satunya terhadap landasan tindakan untuk membina negara bangsa.

Institut Terjemahan Negara berfungsi menterjemahkan sebanyak mungkin buku dalam bahasa asing ke dalam bahasa Melayu – membangunkan penerbitan buku dalam bahasa Melayu; Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) – melaksanakan dasar buku negara, menerbitkan sebanyak mungkin dalam bahasa Melayu dan membina tenaga profesional; Dewan Bahasa dan Pustaka – diberi tugas menerbitkan sebanyak buku dan untuk menjadi pemangkin menggerakkan penerbit swasta dan melatih editor serta petugas.

Ia adalah agensi kerajaan yang diminta untuk melihat permasalahan dalam industri perbukuan di negara ini. Malah, kerjasama diadakan dengan Kementerian



Inggeris atau Perancis dan dieksporn ke luar negara. Budaya penerbitan kita juga tidak menyerlah hingga ke luar negara.

**? Adakah Malaysia perlu menambah insentif tertentu sedia ada sekarang dalam usaha memacu pembangunan industri berkenaan dengan lebih berkesan.**

**D**ulu pernah diajukan kepada kerajaan supaya bank tertentu memberikan satu kemudahan kredit kepada kegiatan penerbitan dengan faedah rendah dan cara pembayaran mudah. Oleh itu, kemudahan berkenaan perlu diaktifkan semula. Jika bidang lain ada mengapa bidang penerbitan tidak diadakan kemudahan itu dalam usaha meningkat dan membangunkan industri itu dengan lebih agresif.

Selain itu, memberikan insentif pengecualian cukai kepada mereka ingin menerbitkan buku ilmu dan pengetahuan. Kita juga perlu memberikan galakan menulis dan menerbitkan buku seperti bantuan meluaskan perniagaan dalam bidang itu, lawatan sambil belajar ke luar negara dalam bidang sama.

Kita juga mungkin boleh mewujudkan penulis tamu di agensi tertentu dan berikan mereka dana dan kemudahan penerbitan untuk kajian dan tidak semestinya dalam bentuk hadiah atau anugerah tertentu.

Dana untuk penerbit dalam menterjemahkan karya luar. Selain insentif cukai kertas mahal dan berkualiti patut dikurangkan.

Kerajaan turut memberi perhatian untuk pemasaran buku, bagaimana penerbit boleh dengan mudah memasarkan buku melalui sistem pemasaran yang baik dan perlu ada pemikiran baru untuk menggalakkan pemasaran. Kita tidak mahu buku beredar di bandar dan memberi manfaat kepada orang kota saja.

Kita berharap perhatian yang lebih utama diberikan kepada pembangunan perkembangan mental dan budaya penerbitan supaya selaras dengan negara maju.